

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	11 August 2015



KUCHING 10 Ogos - Datuk Seri Najib Tun Razak bersetuju dengan pendirian Ketua Menteri, Tan Sri Adenan Satem bahawa permintaan sekumpulan kecil individu yang meminta Sarawak keluar dari Malaysia adalah cakap 'bodoh'.

Menurut Perdana Menteri, rakyat Sarawak sudah membuat keputusan untuk merdeka dalam Malaysia dan kerana itu, tidak timbul lagi soal pemisahan

"Saya setuju dengan Tan Sri Adenan bahawa memang tidak logik dan tidak masuk akal (permintaan Sarawak keluar Malaysia). Itu cakap bodoh kerana apabila Sarawak merdeka dalam Malaysia, negeri ini mendapat banyak manfaat.

"Sebab itu, jangan kita melayan soal ini (pemisahan). Sarawak semakin hari semakin maju apabila mengambil keputusan untuk merdeka dalam Malaysia, rakyat Sarawak sudah membuat keputusan menjadi sebahagian warga yang lebih besar bersama Malaysia," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap melancarkan Sambutan Bulan Kebangsaan dan Kibar Jalur Gemilang 2015 di Padang Merdeka di sini hari ini.

Apabila menganggotai warga yang lebih besar, kerajaan Malaysia, kata Najib, boleh mem-

bantu Sarawak contohnya apabila negeri ini diancam oleh mana-mana anasir dari dalam atau luar negara.

Beliau berkata, seluruh kekuatan Kerajaan Persekutuan akan mempertahankan kepentingan dan keselamatan rakyat di negeri ini.

Dalam aspek menyalurkan bantuan pembangunan pula, Perdana Menteri berkata, Kerajaan Persekutuan tetap memberi keutamaan kepada pembangunan di Sarawak dan Sabah.

"Saya sudah bercalcap dengan Ketua Menteri bahawa apa yang diperlukan oleh Sarawak, kita akan cuba bantu seperti mana saya umumkan setiap kali melawat ke negeri ini," ujarnya.

Sementara itu, Ketua Menteri, Tan Sri Adenan Satem menegaskan, tidak perlu untuk Sarawak keluar dari negara ini kerana Malaysia merupakan 'payung besar' yang memberi perlindungan kepada rakyat negeri ini.

Katanya, di bawah Malaysia, Sarawak dilidungi daripada aspek keselamatan dan memperoleh kekayaan.

"Kita adalah Malaysia dahulu, Malaysia kini dan Malaysia selama-lamanya. Malaysia mampu menjadi negara yang kuat jika semua rakyat ada semangat cintakan negara," katanya.